

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH
[SRI GADING]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021

SOALAN

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [SRI GADING] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membendung kes gangguan seksual yang berlaku di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPM sentiasa komited untuk memastikan persekitaran sekolah adalah selamat. Bagi pencegahan gangguan seksual di sekolah, KPM melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melaksanakan intervensi dengan menggunakan Modul Intervensi Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Sekolah (IHSAN). Modul ini antara lain, memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran murid berkaitan jenayah seksual.

Program kesedaran berterusan turut dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam menyebarkan maklumat psikopendidikan, kesihatan reproduktif dan ancaman gangguan seksual.

Sekiranya berlaku sebarang kejadian gangguan seksual melibatkan murid, guru bimbingan dan kaunseling akan memainkan peranan untuk memberi sokongan kepada murid melalui sesi kaunseling bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kebajikan murid terjaga.

Selain itu, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) berperanan memantau keselamatan murid dan membantu menangani salah laku disiplin termasuk gangguan seksual di sekolah. PPS turut mengadakan lawatan ke sekolah sekurang-kurangnya dua kali sebulan bagi memberikan ceramah berkaitan pencegahan jenayah kepada murid dan juga sebaran maklumat di papan kenyataan PPS yang disediakan di semua sekolah.

KPM yakin inisiatif yang dilaksanakan ini dapat membantu mengurangkan salah laku disiplin termasuk gangguan seksual dalam memperkukuh persekitaran sekolah yang selamat.